



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 30 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	FADILLAH: NO ONE WILL GO HUNGRY UNDER ACT, NATION, THE STAR, M/S – 2 KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA MASIH STABIL, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	CUACA PANAS JEJAS INDUSTRI PADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5. 6. 7. 8. 9.	81 NELAYAN TERJEJAS PENCEMARAN TERIMA BANTUAN SEKALI RM300, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 13 SELANGOR KAJI KESAN PENUTUPAN LADANG BABI TANJUNG SEPAT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 23 ABANG BOMBA KINI TERNAK AYAM, NEGARA, KOSMO, M/S – 14 KAEDAH HIBRID, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 6 SELANGOR USAHA TUTUP LADANG TERNAK BABI, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19 81 NELAYAN TERJEJAS DAPAT RM300, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Fadillah: No one will go hungry under Act

'New legislation to provide shield for food supply'

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The National Food Security Act is being drafted to establish a strong legal foundation to ensure the nation's food security, says Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof.

He said that enshrining such a commitment in the Federal Constitution is the government's way to ensure no one goes hungry in the country, while emphasising that food security is not solely the responsibility of the Agriculture and Food Security Ministry, but a task jointly shared by the government and society.

Fadillah, who is also the Energy Transition and Water Transformation (Petra) Minister, said this in his speech during the launch of the National Food Security Policy 2030 (DKMN 2030) and the National Food Security Policy Action Plan 2026-2030 here yesterday.

Also present was Agriculture

and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

In his speech, Fadillah said there is extraordinary uncertainty arising from extreme climate change to geopolitical conflicts that disrupt global supply chains.

"In 2022, the Global Food Security Index (GFSI) reported an average global score of 62.2 out of 100, a slight decline from 62.6 in the previous year. This decline reflects ongoing challenges across multiple key dimensions of the global food system.

"The world today is experiencing what is known as the perfect storm - a convergence of multiple crises occurring simultaneously, not just a minor disruption - shaking the stability of the global food supply chain," said Fadillah, who listed extreme climate change, pest and disease threats, geopolitical tensions and land use change as the key factors disrupting the food supply chain.

"We are facing intense competition between the needs of indus-

trial development and the preservation of agricultural land.

"As a result, we are now facing surging logistics costs and sharp increases in the prices of imported agricultural inputs, particularly grain corn and chemical fertilisers."

He further cautioned that Malaysia should not be complacent although the country still enjoys a stable level of food security.

"We are very strong in poultry and egg production. In 2024, the self-sufficiency ratio (SSR) for chicken reached 92.9%, while eggs reached 107%. The SSR for fruits is high at 96.8%, and tropical vegetables at 83.1%," he said.

However, regarding milk and rice, Malaysia is at a moderate sufficiency level, with milk at 66.7% and rice at 52.9%.

"However, the government must not become complacent. Today's achievements are no guarantee for tomorrow," said Fadillah, adding that DKMN 2030



Food for thought: Fadillah touring the exhibition gallery following the launch of DKMN 2030 and its 2026-2030 Action Plan in Kuala Lumpur. With him is Mohamad (second from right). — Bernama

serves as the main compass in driving the transformation of the agri-food sector for long-term resilience.

"This policy is not merely a document on paper; it is an action plan that will shape the survival of future generations.

"Through the DKMN, our focus goes beyond efficiency and productivity alone, but one that extends across multiple dimensions of food security.

"By strengthening value chains and adopting high technology, this sector will become a pillar of economic strength that generates prosperity for all Malaysians," he said.

Fadillah also said food waste

Keterjaminan makanan Malaysia masih stabil



Fadillah melawat pameran selepas Majlis Peluncuran Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2030 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Raihana Mansor/BH)

Kerajaan laksana dasar jangka panjang tangani kos, harga bekalan import

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia masih memiliki kedudukan keterjaminan makanan stabil kerana bekalan mencukupi dan tahap kemampuan rakyat masih terawal, berbanding negara serantau.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kedudukan stabil itu menuntut kerajaan tidak terus bersikap leka dan memerlukan dasar jangka panjang lebih menyeluruh.

Beliau berkata, ini disebabkan Malaysia kini berdepan dengan lonjakan kos logistik dan kenaikan harga mendadak input pertanian import, terutama jagung bijian dan baja kimia.

"Apabila kos input ini naik, ini mencetuskan kesan domino, iaitu inflasi harga makanan pada peringkat global. Inilah beban yang akhirnya dipikul rakyat."

"Kebergantungan kita kepada rantaian bekalan luar menjadikan kita rapuh terhadap kejutan ekonomi dunia," katanya beru-

cap pada Majlis Peluncuran Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2030 di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Fadillah berkata, dunia sedang berada dalam kepungan dinamakan sebagai *The Perfect Storm* (taufan besar), iaitu bukan sekadar gangguan kecil, tetapi gabungan pelbagai krisis yang datang serentak, menggoncang kestabilan rantaian bekalan makanan secara global.

Katanya, ada empat faktor kritikal menyebabkan keadaan ini berlaku, antaranya perubahan iklim ekstrem seperti kejadian kemarau panjang, mengeringkan kawasan tadahan dan banjir luar jangka menenggelamkan kebun, sekali gus hasil tanaman terjejas secara drastik.

Pacu sektor agromakanan

Fadillah berkata, Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2030 menjadi kompas utama dalam memacu transformasi sektor agromakanan demi memastikan ketersediaan bekalan mencukupi, keselamatan makanan terjamin bagi setiap rakyat serta kestabilan dan kemampuan alam sekitar demi kelestarian sistem makanan negara.

Di bawah dasar itu, katanya kerajaan bertekad untuk melonjakkan pendapatan petani, pesawah dan nelayan melalui pemoenan sektor agromakanan agar mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan menik-

mati kehidupan yang lebih sejahtera serta bermaruah.

"Kita berazam untuk memacu transformasi sektor agromakanan negara agar ia bukan sekadar sumber bekalan makanan, malah berkembang menjadi pemacu ekonomi yang dinamik dan penyumbang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar."

"Melalui pengukuhan rantaian nilai dan penggunaan teknologi tinggi, kita akan memastikan sektor ini menjadi tonggak kekuatan ekonomi yang menjana kemakmuran buat seluruh rakyat Malaysia."

"Kita juga perlu menangani isu lambakan sisa makanan melalui pengurusan bekalan cekap dan perubahan tabiat pengguna yang lebih berhemah. Dengan memperkasa inisiatif bank makanan serta teknologi kitar semula sisa organik, kita mampu memastikan sumber makanan negara diuruskan lebih mampan dan bertanggungjawab," katanya.

Fadillah berkata, Malaysia hampir atau sudah mencapai kadar sara diri yang baik dalam beberapa sektor, termasuk ternakan dan perikanan.

"Kita sangat kukuh dalam pengeluaran daging ayam dan telur. Kadar sara diri 2024 bagi ayam, sudah kita capai sebanyak 92.9 peratus, manakala untuk telur sebanyak 107 peratus."

"Bagi tanaman, kadar sara diri buah-buahan cukup baik pada kadar 96.8 peratus dan sayur-sayuran tropika pada kadar 83 peratus," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



PENDUDUK melalui kawasan hutan di tepi sungai yang terbakar kesan cuaca panas dan kering di Kampung Pondok, Kangar, Perlis semalam. - **UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN**

Cuaca panas jejas industri padi

KANGAR: Musim kemarau berpanjangan di Perlis akan menjejaskan industri padi di negeri ini dengan hasil dijangka merosot sehingga 3,240 tan metrik jika cuaca kering terus berlarutan.

Hal ini setelah Perlis menjadi negeri merekodkan jumlah hari tanpa hujan tertinggi iaitu melebihi 30 hari dengan cuaca panas dan kering terus berlarutan dijangka sehingga Mac ini.

Keadaan itu bakal menjejaskan 771 pesawah membabitkan keluasan 720 hektar di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini apabila kebanyakan kawasan sawah padi di Perlis juga mula merekah dan kering kontang.

Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata, namun pihaknya telah menggerakkan pegawai untuk memantau keperluan dan persediaan awal bencana itu di samping menyediakan pam sebanyak 39 unit dalam membantu pesawah terkesan.

Beliau berkata, pihaknya juga mendapat kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri yang telah membekalkan pam sebanyak 80 buah di kawasan-kawasan yang terjejas sekitar negeri ini.

"Pihak JPS juga masih melepaskan tambahan air empangan bermula di dua pintu dengan 20 peratus bukaan bermula 14 sehingga 26 Januari. Bukaan air tersebut juga telah sampai ke beberapa kawasan terjejas sekitar paya seperti di Sempering, Jejawi dan Repoh.

"Bagaimanapun, bukan semua kawasan yang terlibat kemarau mendapat manfaat air dari Empangan Timah Tasoh antaranya seperti di Kubang Tiga, Panggas, Oran, Padang Siding, Titi Tinggi dan kawasan sekitar. Kebanyakan kawasan itu hanya mengharapkan sumber air dari kolam takungan, sungai dan hujan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Setakat kini, situasi air di

Empangan Timah Tasoh berada pada paras 28.25 meter iaitu berkurangan berbanding paras air normal di empangan itu yang sepatutnya sekitar 29.1 meter, namun keadaan masih terkawal.

Pengarah JBPM negeri, Penguasa Kanan Bomba 1 Wan Mohd. Hamizi Wan Mohd. Zin berkata, cuaca panas dan kering yang berlarutan lebih sebulan lalu itu boleh meningkatkan risiko kebakaran terbuka.

"Orang ramai dinasihatkan supaya tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka sama ada secara sengaja atau tidak terkawal. Selain itu, sentiasa berhati-hati dalam aktiviti harian yang boleh mencetuskan kebakaran," katanya.

Sebanyak 127 kes kebakaran direkodkan iaitu hanya dalam tempoh sebulan dengan masing-masing membabitkan 103 kes kebakaran belukar, 11 kes kebakaran langang dan 13 kes kebakaran terbuka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	13

81 nelayan terjejas pencemaran terima bantuan sekali RM300

Kota Tinggi: Seramai 81 nelayan yang terjejas pendapatan akibat pencemaran Sungai Johor di sini, sejak Oktober lalu bakal menerima bantuan wang tunai secara 'one off' sebanyak RM300 seorang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata, keseluruhan bantuan berjumlah RM24,300 itu akan diserahkan kepada kesemua penerima menerusi Ahli Dewan Negeri Johor (ADUN) Panti, Hahasrin Hashim.

"Kerajaan negeri amat prihatin dengan nasib nelayan yang tidak dapat turun ke sungai akibat pencemaran berkenaan. Justeru itu, bantuan secara 'one off' ini diharap dapat meringankan beban nelayan darat yang terkesan susulan insiden pencemaran sungai berkenaan," katanya, semalam. Zahari

berkata, beliau sudah membuat lawatan dan pertemuan bersama jabatan berkaitan di Balai Raya Kampung Orang Asli Sayong Pinang di sini.

Katanya, ia bagi mendapatkan laporan terkini status pencemaran Sungai Sayong di sini yang berubah warna kehitaman pada Ahad lalu.

"Setakat ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor memaklumkan bacaan kualiti air masih dalam keadaan selamat dan tiada laporan kematian ikan direkodkan. Punca pencemaran terbaharu ini masih dalam siasatan," katanya.

Dalam pada itu, Zahari berkata kerajaan negeri turut mengambil langkah pemulihan ekosistem di sungai terlibat melalui program pelepasan benih anak ikan pelbagai spesis.

"Kita telah melepaskan hampir 100,000 ekor anak ikan pelbagai spesis seperti baung

dan lampam di Sungai Linggiu yang terletak kira-kira tiga hingga empat kilometer dari Sungai Sayong pada November lalu.

"Pelepasan tidak dibuat di sungai terjejas ketika itu kerana keadaan sungai masih belum pulih sepenuhnya. Kita merancang satu lagi pelepasan sekitar 100,000 hingga 200,000 ekor anak ikan pada Mac atau April ini selepas musim Monsun Timur Laut," katanya.

Media sebelum ini melaporkan pencemaran Sungai Johor susulan kolam cucian pasir di sebuah kawasan perlombongan pasir darat di Kota Tinggi pecah.

Pencemaran dengan bacaan kekeruhan air mentah tertinggi di sungai itu merekodkan bacaan 37,400 Nephelometric Turbidity Unit (NTU) berbanding paras normal sekitar 400 NTU disifatkan paling buruk itu menjejaskan kira-kira RM1.2 juta penduduk di daerah ini serta Johor Bahru, Pontian, Gelang Patah dan Kulai.

100,000 ekor anak ikan pelbagai spesis dilepaskan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Selangor kaji kesan penutupan ladang babi Tanjung Sepat

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor sedang menjalankan kajian terperinci berhubung keperluan bekalan babi di negeri ini susulan arahan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah termasuk mempercepatkan penutupan operasi di Tanjung Sepat, Kuala Langat pada tahun ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebarang keputusan yang bakal dibuat perlu mengambil kira kesan terhadap rantaian bekalan dan harga pasaran supaya tidak membebankan pengguna.

Menurut beliau, antara aspek utama yang sedang diteliti ialah sumber alternatif bekalan sekiranya penutupan dilaksanakan ter-

masuk kemungkinan import dari luar negeri atau luar negara.

"Apabila ia melibatkan import, tetapi kos akan meningkat dan akhirnya harga di pasaran boleh naik dan tentunya kita tidak mahu harga melambung terlalu tinggi," katanya.

Beliau berkata ketika ditemui semasa sidang akhbar selepas Majlis Perasmian dan Penzahiran Laporan Voluntary Local Review Matlamat Pembangunan Mampan di sini pada Khamis.

Amirudin pada Isnin lalu memaklumkan, kerajaan Selangor menangguhkan dan membatalkan batal sementara cadangan ladang babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor susulan bantahan penduduk.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2026	KOSMO	NEGARA	14



CIK MAT ARIFFA dan isteri, Noor Azlina menunjukkan ayam kampung hibrid yang ditenak mereka di Seri Bandi, Kemaman.

Abang bomba kini ternak ayam

KEMAMAN – Minat mendalam dalam bidang ternakan mendorong sepasang suami isteri meninggalkan kerjaya masing-masing sebagai anggota pasukan beruniform untuk beralih menjadi penternak ayam.

Cik Mat Ariffa Che Mat Reduan, 46, berkata, dia dan isterinya, Noor Azlina Bahari, 48, yang sebelum ini merupakan pegawai bomba dan anggota polis berpangkat sarjan nekad bersara awal pada 2023 dan 2024.

“Sebenarnya, saya mula berjinak dengan membela 50 ekor ayam untuk mengisi masa lapang di belakang rumah di Kampung Tanjung Pagar, Dungun dengan modal permulaan

RM1,000 pada 2005.

“Pada mulanya akan menjual ayam proses sebagai pendapatan sampingan sebelum nekad menjual kereta Proton Wira milik saya dengan harga RM6,000 sebagai modal membeli mesin memproses ayam bersaiz kecil,” katanya di Seri Bandi di sini kelmarin.

Menurutnya, pada peringkat awal, jualan ayam dihantar menggunakan motosikal, manakala kereta Proton Iswara digunakan bagi penghantaran di Kelantan dan Pahang.

Dia kemudian nekad melaburkan keseluruhan wang persaraannya berjumlah RM70,000 bagi membesarkan reban tera-

kan.

“Alhamdulillah, kami kini mendapat bantuan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) membina pusat ternakan ayam kampung yang boleh menampung kira-kira 10,000 ekor ayam setiap pusnigan di Seri Bandi.

“Selain menjual ayam hidup, kami juga menjual ayam kampung sejuk beku serta pelbagai produk hiliran lain seperti perapan ayam berempah, barbeku dan lada hitam serta sate ayam kampung.

“Saya turut membimbing 10 orang usahawan menerusi kontrak ternakan di seluruh negeri,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	6



Selangor usaha tutup ladang ternak babi

Kajian berhubung keperluan bekalan turut dibuat

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Penutupan ladang ternakan babi di kawasan Kuala Langat dan sekitarnya, dijangka akan dilaksanakan secepat mungkin pada tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata pada masa sama pihaknya sedang menjalankan kajian terperinci berhubung keperluan bekalan babi di negeri ini, sebagaimana titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, baru-baru ini.

Beliau berkata, sebaik kajian itu selesai, sebarang keputusan perlu mengambil kira kesan terhadap bekalan dan harga pasaran agar tidak membebankan pengguna.

"(Sebelum ini)...Tuanku minta kita buat kajian berapa keperluan... kita sedang buat. Penutupan kita akan cuba laksanakan tahun ini secepat mungkin.

"Tapi kita kena tahu kesannya. Kesannya adalah mana sumber alternatif? Sumber alternatif ini mungkin import dari luar tetapi bila import ia akan menaikkan harga.

"Kita pun tidak mahu naik harga melambung sampai begitu sekali. Dalam pada masa, memang sekarang ini 70 peratus diimport dari negeri lain dan negara lain," katanya ketika ditanya perkembangan terkini berhubung isu berkenaan.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

Majlis Perasmian dan Penzahiram Laporan Voluntary Local Review (VLR) Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Shah Alam Siri Ke-2, di sini semalam.

Bancian menyeluruh

Isnin lalu, Amirudin mengumumkan kerajaan negeri memutus untuk menangguh dan membatalkan sementara sebarang cadangan membabitkan pembangunan berkaitan ladang penternakan babi di Bukit Tagar, Hulu Selangor berikutan bantahan keras penduduk serta keperluan penyelidikan lebih menyeluruh.

Pada 12 Januari lalu, EXCO Pertanian Selangor, Datuk Izham Hashim, berkata pemindahan ladang penternakan babi dari Kuala Langat ke kawasan berpusat moden di Bukit Tagar akan disegerakan sebelum hujung tahun ini.

Bagaimanapun, penduduk empat FELDA di sekitar Hulu Selangor memohon perkenan Sultan Sharafuddin agar menitahkan kerajaan Selangor tidak meneruskan rancangan pemindahan ladang penternakan babi ke Bukit Tagar yang didakwa terlalu hampir dengan penempatan dan sumber air.

Sultan Sharafuddin turut menitahkan agar kajian terperinci serta bancian menyeluruh berasaskan data sah dilaksanakan bagi mengenal pasti statistik serta kuantiti sebenar keperluan dan permintaan daging babi khusus untuk kegunaan rakyat bukan Islam di Selangor sahaja.

Pada 10 Januari lalu, Sultan Sharafuddin menzahirkan dukacita dan tidak bersetuju perancangan kerajaan negeri membenarkan operasi sementara penternakan babi di Tanjung Sepat, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Tuanku minta kita buat kajian berapa keperluan... kita sedang buat. Penutupan kita akan cuba laksanakan tahun ini secepat mungkin



Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Pencemaran Sungai Johor

81 nelayan terjejas dapat RM300

Bantuan sekali bayar ringankan beban susulan tidak dapat turun ke sungai

Oleh Azizi Majid
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Seramai 81 nelayan yang terjejas pendapatan akibat pencemaran Sungai Johor, di sini pada 31 Oktober tahun lalu, bakal menerima bantuan wang tunai secara 'sekali bayar' sebanyak RM300 seorang.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata keseluruhan bantuan bernilai RM24,300 itu akan diserahkan kepada semua penerima menerusi Ahli Dewan Negeri Johor (ADUN) Panti, Hahasrin Hashim.

"Kerajaan negeri amat prihatin dengan nasib nelayan yang tidak dapat turun ke sungai akibat daripada pencemaran berkenaan. Justeru itu, bantuan secara sekali bayar ini diharap dapat meringankan beban nelayan darat yang terke-



Zahari Sarip



Keadaan Sungai Sayong yang tercemar bertukar kehitaman pada Ahad lalu.

san susulan insiden pencemaran sungai berkenaan," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Zahari berkata, beliau sudah melawat dan mengadakan pertemuan bersama jabatan berkaitan di Balai Raya Kampung Orang Asli Sayong Pinang, di sini kelmarin.

Beliau berkata, ia bagi mendapatkan laporan terkini status pencemaran Sungai Sayong, di sini yang berubah kehitaman pada Ahad lalu.

Kualiti air masih selamat

"Setakat ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor memaklumkan bacaan kualiti air masih dalam keadaan selamat dan tiada laporan kematian ikan direkodkan. Punca pencemaran terbaru ini masih dalam siasatan," katanya.

Dalam pada itu, Zahari berkata, kerajaan negeri turut mengambil langkah pemulihan ekosistem di sungai terbabit melalui program pelepasan benih anak ikan pelbagai spesies.

"Kita sudah melepaskan hampir 100,000 ekor anak ikan pelbagai spesies seperti baung dan lampam di Sungai Linggi yang

terletak kira-kira tiga hingga empat kilometer dari Sungai Sayong pada November lalu.

"Pelepasan tidak dibuat di sungai terjejas ketika itu kerana keadaan belum pulih sepenuhnya. Kita merancang satu lagi pelepasan sekitar 100,000 hingga 200,000 ekor anak ikan pada Mac atau April ini selepas musim Monsun Timur Laut," katanya.

Media sebelum ini melaporkan pencemaran Sungai Johor susulan kolam cucian pasir di kawasan perlombongan pasir darat di Kota Tinggi pecah, menyebabkan aliran lumpur memasuki hulu sungai berkenaan.